

# Belum cadang sekat pesawat China

BH - 31/11/2020 mjd: 2

**Kerajaan** Persekutuan belum bercadang menyekat semua penerbangan dari China ke Malaysia bagi mengawal penularan novel coronavirus (2019-nCoV).

Namun, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan kajian boleh dilakukan sama ada perlu atau tidak menggantung semua penerbangan atau cuma dari Wuhan dan Hubei sahaja.

“Belum ada keperluan menggantung semua penerbangan dari China. Kita buat kajian sama ada boleh hentikan semua pesawat dari China, atau cuma dari Wuhan dan Hubei,” katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama Rakan Strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PI-

CC), di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Perdana Menteri mengulas sama ada Kerajaan Pusat akan mengikuti langkah Kerajaan Sabah semalam yang mengumumkan penggantungan sementara semua penerbangan dari China ke negeri itu.

Pada masa sama, kerajaan Sarawak membuat keputusan menyekat kemasukan pekerja dan pelajar dari China.

Sementara itu, Dr Mahathir turut mengesahkan kerajaan sedang berbincang dengan Kerajaan China untuk membawa pulang 78 rakyat Malaysia yang berada di Wuhan.

“Kita baru mula bincang, belum dapat maklum balas lagi (dari China),” katanya.

Setakat semalam, lebih 7,000 individu sudah dijangkiti coronavirus di China, dengan jumlah kematian terbaru 38 orang menjadikan keseluruhan mencecah 170 orang.

Sebanyak 105 kes baharu dikesan di sekurang-kurangnya di 16 negara termasuk Jerman, Jepun dan Vietnam.

Sementara itu, berucap pada majlis berkenaan, Perdana Menteri mahu rakyat menyokong Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) yang digariskan kerajaan untuk mengurangkan jurang kekayaan golongan kaya dan miskin.

“Sambutan rakyat perlu ada. Kalau ada dasar yang baik tetapi mereka tidak terima atau salah guna peluang yang disediakan, sudah tentu rancangan yang diwujudkan tidak berjaya,” katanya.